

Headline	MPSepang FRIM kitar semula minyak masak jadi bahan semburan aedes		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Oct 2015	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	22	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	146 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,920
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,760



MPSepang-FRIM kitar semula minyak masak jadi bahan semburan aedes

CYBERJAYA 26 Okt. - Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menjalin kerjasama dalam menghasilkan bahan penyemburan membasmi pembiakan nyamuk aedes yang dikitar semula daripada minyak masak terpakai.

Yang Dipertua MPSepang, Puasa Md. Taib berkata, bahan itu dikenali sebagai Aedes Bio Based Fuel (ABBF) yang merupakan produk pertama di dunia dihasilkan daripada minyak masak terpakai bagi menggantikan diesel yang sebelum ini digunakan sebagai minyak campuran aktiviti semburan nyamuk aedes.

Katanya, menerusi kerjasama itu, minyak masak terpakai yang dikumpul dari seluruh Sepang akan dihantar ke FRIM untuk proses penghasilan ABBF.

“Sejak 2012, MPSepang telah melaksanakan Program Kitar Semula Minyak Masak Terpakai (Kismat), bertujuan menangani perbuatan para penduduk dan pengusaha restoran yang sering kali membuang bahan itu ke dalam longkang sehingga mencemarkan sungai di Sepang.

“Minyak masak terpakai yang dikumpulkan oleh MPSepang akan dihantar ke FRIM untuk menghasilkan bahan penyemburan nyamuk aedes bagi kegunaan di Sepang,” katanya dalam sidang akhbar selepas majlis menandatangani memorandum perjanjian (MoA) Projek Inovasi ABBF antara MPSepang dan FRIM, di sini hari ini.

MoA itu ditandatangani Puasa manakala FRIM diwakili oleh Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod.

Pada masa sama, Abd. Latif memberitahu,

ABBF merupakan formula terbaharu untuk membasmi pembiakan aedes bersifat mesra alam kerana bahan itu menggantikan penggunaan diesel yang mengandungi kimia sehingga menjejaskan ekosistem alam sekitar.

Katanya, penggunaan diesel ketika semburan nyamuk aedes turut menghapuskan hidupan serangga lain.

“Kita merancang untuk merekodkan usaha ini dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) dan *Guinness World Records* kerana formula ini belum lagi dihasilkan oleh mana-mana pihak lain dari seluruh dunia.

“Walaupun ABBF masih di peringkat kajian tetapi MPSepang telah menggunakannya sejak tiga bulan lalu untuk aktiviti penyemburan nyamuk aedes di kawasan yang terdapat kes demam denggi dan dilihat telah berjaya,” katanya.